

Asahan destinasi pelancongan sukan ekstrem

Faiz Hasan

ASAHAN - Bukit Gapis akan terus dimajukan sebagai kawasan tumpuan rekreasi dan sukan ekstrem sekali gus bakal menjadi lokasi tumpuan pelancongan baharu di Melaka.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Asahan Fairul Nizam Roslan berkata, pelbagai pelan pembangunan kini sedang dinilai pihak terlibat bagi membangunkan kawasan yang dikenali sebagai Gunung Melaka itu.

Katanya, kawasan yang merupakan puncak tertinggi di Melaka akan terus diperkembangkan dengan pelbagai tarikan baharu sekali gus mampu menarik pelancong dan peminat sukan ekstrem terutama pendaki di kawasan berkenaan.

Jelasnya, setakat ini menerusi Jabatan Perhutanan Negeri Melaka permohonan bagi membangunkan semula Jeram Tok Janggut yang terletak di kawasan itu sedang dinilai Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC).

"Kita telah ada pelan perancangan itu dan kini berada di peringkat MOTAC malah kita pun akan merancang untuk membina satu trek bagi sukan lasak iaitu kenderaan ATV ke puncak Bukit Gapis.

"Untuk itu kita akan minta sokongan Jabatan Perhutanan dan malim gunung untuk kita kenal pasti trek yang sesuai di kawasan ini," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Terdahulu, kira-kira 60 peserta terdiri dari penduduk jati kawasan berkenaan telah mengikuti kembara pendakian puncak tertinggi di Melaka itu menerusi Program ke PUNCAK bersama Along.

Program diadakan di Kampung Mantai kali ini disertai oleh pelbagai golongan peringkat umur termasuk wanita dan warga emas telah dibantu 10 malim gunung terlibat.

Melaka Hari Ini turut tidak terlepas dalam menyertai pendakian selama kira-kira dua jam itu membabitkan lebih 3 kilometer sebelum tiba ke bukit setinggi 486 meter dari aras laut tersebut.



N10 - ASAHAN

FAIRUL Nizam (dua dari kiri) menunjukkan batu sempadan Melaka-Negeri Sembilan di puncak Bukit Gapis Gunung Melaka.

N13 - PAYA RUMPUT

Bantuan bencana kepada 44 rumah rosak akibat ribut akan disegerakan

Fiqa Jamal